



## Siaran Akhbar

### UNTUK SIARAN SEGERA

# LeapEd: PROGRAM SEKOLAH AMANAH TERBUKTI BERKESAN DALAM SEKTOR PENDIDIKAN MALAYSIA

*Kajian Impak menunjukkan gambaran utama tentang pengaruh Program Sekolah Amanah di Malaysia serta transformasi pendidikan masa depan*

**Kuala Lumpur**, 2 Julai 2019 – LeapEd Services Sdn Bhd ('LeapEd'), sebuah subsidiari milik penuh Khazanah Nasional Berhad yang ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan sosial merupakan penyedia perkhidmatan pendidikan tempatan yang pertama di Malaysia. Matlamat LeapEd adalah untuk memperkayakan kehidupan menerusi pembinaan kapasiti dan transformasi pendidikan dan sehingga kini telah mendatangkan impak kepada lebih 71,000 orang pelajar dan lebih 160 buah sekolah menerusi pelbagai model pendekatan seperti *District Transformation Programme-AMAN* ('DTP-AMAN'), *Islamic School Enhancement Programme* ('ISEP'), *Ground-up School Transformation Programme* ('GUSTO'), Program Sekolah Transformasi ('PreSTasi') serta Program Sekolah Amanah (TSP) yang pertama di negara ini.


Program Sekolah Amanah (TSP 1.0) merupakan program utama LeapEd yang direka untuk membangunkan para pelajar secara holistik dengan keupayaan abad ke-21. Menerusi kerjasama dengan Yayasan AMIR dan Kementerian Pendidikan, program ini dibangunkan khusus untuk memastikan kemampanan dengan sekolah-sekolah di Malaysia. Sejak dilancarkan pada tahun 2011, TSP 1.0 telah memberi kesan kepada lebih 5,300 ibu bapa dan 65,000 pelajar di 83 buah sekolah meliputi 12 buah negeri di Malaysia.

Ketika bercakap di sidang akhbar semasa memperkenalkan 'Pendidikan pada Abad ke-21– Impak Kami' ('Kajian Impak'), Pengarah Urusan LeapEd Services Sdn Bhd, En Zulhaimi Othman berkata, ***"Program Sekolah Amanah telah direka dengan mengutamakan generasi masa hadapan. Sepanjang 9 tahun yang lalu, kami telah bekerjasama rapat dengan rakan strategik kami seperti Kementerian Pendidikan dan Yayasan AMIR untuk membangun dan melaksanakan program di seluruh sekolah di Malaysia, melengkapkan pelajar dengan kemahiran hidup kritikal yang mereka perlukan serta mentransformasikan sekolah secara menyeluruh dengan mengamalkan amalan terbaik antarabangsa."*** Kajian terbaru ini telah dijalankan untuk mengkaji keberkesanan TSP 1.0, serta mengenal pasti peluang untuk terus memantapkan model pada masa akan datang.

## Peningkatan kecekapan profesional

Kajian Impak, yang dijalankan melalui kaedah campuran yang melibatkan tinjauan, temu bual dan pemerhatian, menyaksikan gambaran daripada lebih 3,000 responden termasuk kakitangan sekolah, pelajar dan ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa 95% daripada guru sekolah menengah dan 76% daripada guru sekolah rendah meningkat sekurang-kurangnya 1 tahap skala, contohnya dari Permulaan hingga Membangun atau Peningkatan hingga Perluasan.


Pergerakan satu tahap menunjukkan anjakan paradigma dalam tahap pengetahuan, kemahiran, pemikiran, pedagogi dan amalan. Dalam kebanyakan kes, golongan profesional mungkin tidak mengalami satu tahap pergerakan sepanjang kerjaya mereka kerana ia memerlukan refleksi diri yang berterusan dan minda pertumbuhan (*growth mindset*).



*Program Sekolah Amanah mendatangkan kesan yang besar terhadap kecekapan profesional para Pemimpin Pertengahan.*

Sejumlah 86% Pemimpin Pertengahan dari sekolah rendah dan 91% Pemimpin Pertengahan dari sekolah menengah dapat melihat kemajuan minimum sebanyak 1 tahap. Bagi barisan Kepimpinan Kanan, 76% dari sekolah rendah dan 83% sekolah menengah telah menunjukkan tahap kemajuan minimum sebanyak 1 tahap. Daripada 124 Pemimpin Pertengahan dalam tinjauan tersebut, 8% menunjukkan kemajuan 3 tahap, bersamaan dengan tahap kecemerlangan pengajaran yang sangat tinggi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa TSP 1.0 mempunyai kesan positif terhadap kecekapan profesional kakitangan sekolah, yang membolehkan mereka membimbing pelajar dan menyediakan pembelajaran yang bermutu di bilik darjah.


### Tahap Kemajuan



*Kajian Impak TSP 1.0 LeapEd menunjukkan bahawa program ini mempunyai kesan keseluruhan yang positif terhadap kecekapan profesional guru, manakala pelajar pula menunjukkan kualiti pengajaran menjadi lebih baik.*

## Pengajaran dan pembelajaran berkualiti tinggi

Lebih 3,139 pelajar dan ibu bapa yang ditemu bual melaporkan bahawa pelajar di bawah TSP 1.0 mendapat pengajaran yang berkualiti. Kajian itu juga menunjukkan bahawa ibu bapa bertindak positif terhadap program ini kerana mereka melihat peningkatan peluang untuk pelajar terlibat dalam kehidupan di sekolah, serta peningkatan frekuensi dan tahap interaksi antara sekolah, ibu bapa dan komuniti yang lebih luas. Tambahan pula, persekitaran sekolah memberi pengaruh yang tinggi terhadap kepuasan hidup, kesejahteraan dan hasil pembelajaran para pelajar.



*Ibu bapa dan pelajar gembira dan berpuas hati dengan kualiti pengajaran dan pembelajaran.*

## TSP 2.0 Sedang Dilaksanakan

Pendekatan transformasi TSP 1.0 memberi tumpuan kepada model jangkauan perkongsian awam-swasta ('PPP'), serta bekerjasama secara rapat dengan pasukan kepimpinan sekolah, guru, pelajar, ibu bapa dan komuniti.

Untuk memastikan program itu kekal transformatif, mampan dan berskala, penyelidikan juga mengenal pasti peluang untuk meningkatkan lagi program. Sesetengah kawasan yang dikenal pasti termasuk menyesuaikan campur tangan, yang bergantung kepada keperluan sekolah masing-masing. Ini akan membolehkan pemantapan model untuk memenuhi keperluan kumpulan tertentu dengan keperluan khusus seperti kumpulan Orang Asli dan kaum minoriti lain, pelajar yang mempunyai keperluan khusus, serta sekolah luar bandar dan sekolah dengan bilangan pelajar yang tidak mencukupi.

Oleh itu, TSP 2.0 merupakan evolusi seterusnya Program Sekolah Amanah, yang memanfaatkan kejayaan dan pembelajaran TSP 1.0. Direka sebagai model yang bersifat mampan dan berskala, TSP 2.0 telah dilancarkan pada tahun 2019 di sekolah-sekolah awam Malaysia yang terpilih.

Tambah Zulhaimi, ***"Kami percaya bahawa pelaburan dalam pendidikan merupakan keputusan yang paling bijak yang boleh dibuat oleh seseorang. Pendidikan menyediakan peluang dan seterusnya memperkasakan insan, menggalakkan kreativiti dan meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan kepada diri sendiri. Menerusi Kajian Impak, kita dapat melihat bagaimana Program Sekolah Amanah telah mendatangkan kesan yang positif kepada kehidupan para guru, pelajar dan juga ibu bapa. Dengan memanfaatkan kejayaan serta***

***pembelajaran daripada program ini, kami komited untuk terus bekerjasama dengan rakan kongsi kami untuk melaksanakan model baharu TSP 2.0 yang dipertingkatkan yang akan diselaraskan dengan trend global dan aspirasi negara.***

\*\*\*\*\*

## **Tentang LeapEd Services**

LeapEd Services Sdn Bhd ('LeapEd'), sebuah subsidiari milik penuh Khazanah Nasional Berhad, merupakan penyedia perkhidmatan pendidikan tempatan yang pertama di Malaysia dan perusahaan sosial yang dipercayai. Matlamat LeapEd adalah untuk membangunkan para pelajar secara holistik dengan kecekapan abad ke-21 serta sekolah yang dilengkapi dengan amalan pendidikan yang mapan. Menerusi kerjasama rapat dengan rakan strategik dan Kementerian Pendidikan Malaysia, LeapEd memberi tumpuan terhadap memulakan gerakan ke arah pendidikan yang memberikan tumpuan kepada pelajar dan merealisasikan potensi setiap individu.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, LeapEd telah mencipta dan melaksanakan pelbagai model campur tangan seperti *District Transformation Programme-AMAN ('DTP-AMAN')*, *Islamic School Enhancement Programme ('ISEP')*, *Ground-up School Transformation Programme ('GUSTO')*, Program Sekolah Transformasi ('PreSTasi') serta Program Sekolah Amanah (TSP) yang pertama di negara ini. Model campur tangan ini telah memberi impak kepada lebih 71,000 orang pelajar, 6,000 orang guru dan 160 buah sekolah meliputi 13 buah negeri di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: [www.leapedservices.com](http://www.leapedservices.com)

---

***Diterbitkan oleh Perspective Strategies Untuk pertanyaan media, sila hubungi:***

Tel: 03 - 7491 3138, Fax: 03 - 7733 3138

Charmaine Jeeva, Ms

Email : [charmaine.jeeva@perspective.com.my](mailto:charmaine.jeeva@perspective.com.my)

Mobile : 012 610 4802

Anita Teh, Ms

Email : [anita.teh@perspective.com.my](mailto:anita.teh@perspective.com.my)

Mobile : 014 396 9433